

05 MAR 1998

Tabung-Bakun

KEGAWATAN EKONOMI TIDAK JEJAS PELAJAR TAJAAN TABUNG AMANAH BAKUN

KUCHING, 5 Mac (Bernama) -- Kedudukan kewangan Tabung Amanah Bakun, tabung khas bagi membantu penduduk daerah Belaga, Kapit Sarawak dalam bidang pendidikan tidak terjejas berikutan kegawatan ekonomi masa kini.

Pengerusinya Dr James Jemut Masing berkata, setakat ini tabung itu yang dilancarkan setahun lepas menaja cuma seorang pelajar yang mengikuti kursus di salah sebuah universiti di Australia dalam bidang senibina.

Tabung Amanah Bakun dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berikutan pelaksanaan Projek Hidroelektrik Bakun yang kini telah ditangguhkan dengan RM10 juta disumbang oleh kerajaan negeri dan pusat.

Masing memberitahu pemberita di pejabatnya di sini, hari ini, seramai 60 pelajar berasal dari Belaga termasuk pelajar di Australia itu telah ditaja oleh tabung berkenaan.

Masing juga berkata, sumber tabung itu tidak akan dipelbagaikan pada masa ini memandangkan faedah yang diterima melalui bank mencukupi.

Beliau yang juga Menteri Pelancongan Sarawak berkata, Lembaga Pelancongan Sarawak (STB) bersama-sama dengan kerajaan negeri Sabah akan menyertai pameran pelancongan terbesar di dunia iaitu International Tourisme Bourse (ITB) di Berlin, Jerman.

Menurutnya lagi, tujuan utama penyertaan Sarawak ialah memandangkan rakyat Jerman dikenali dengan minatnya untuk berbelanja besar iaitu DM140 sehari atau RM300. -- BERNAMA

RDY PR